

25 SEP 2000

Marina-Aids/I

MB JOHOR TERIMA PANDANGAN MAJLIS AIDS MENGENAI PEMERIKSAAN HIV

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman menerima pandangan Majlis Aids Malaysia (MAC) bahawa memaksa bakal pengantin lelaki menjalani pemeriksaan darah bukanlah satu tindakan yang baik.

Presiden MAC Datuk Paduka Marina Mahathir berkata pada satu perjumpaan dengan Ghani minggu lepas, majlis itu menyatakan, menggunakan cara itu dan bukti sokongan dari seluruh dunia, ujian seumpama itu tidak akan mencapai objektifnya.

"Beliau (Ghani) berfikiran terbuka. Beliau amat memahaminya...ia merupakan perjumpaan yang amat berguna," kata Marina pada sidang media selepas menerima sumbangan berjumlah RM1.85 juta, bagi pihak Yayasan Aids Malaysia (MAF), bagi Gala Reben Merah 2000, yang akan diadakan pada Sabtu.

MAF bertanggungjawab mengumpul dana bagi MAC, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 1992 atas inisiatif Kementerian Kesihatan bagi menyelaraskan penyaluran dananya kepada 32 gabungannya.

Menggambarkan perjumpaan itu sebagai "amat memuaskan", Marina berkata mewajibkan pasangan yang akan berkahwin menjalani ujian darah bukan cara yang berkesan untuk menyekat penyebaran HIV, virus yang menyebabkan Aids.

Pada 25 Ogos, Mufti Johor Datuk Noh Gadut mencadangkan bakal pengantin lelaki beragama Islam menjalani ujian itu bagi memastikan mereka tidak HIV positif.

Berikutan itu, Ghani berkata kerajaan negeri akan menganjurkan satu seminar mengenai perkara itu bagi mendapatkan pandangan daripada aspek agama, kesihatan dan hak asasi manusia.

Marina berkata mendidik masyarakat mengenai langkah-langkah berkesan untuk menyekat penyebaran penyakit itu merupakan pilihan yang lebih baik daripada menjalani pemeriksaan.

Beliau berkata pada perjumpaan itu, kerajaan negeri Johor turut bersetuju untuk bekerjasama dengan MAC dalam menganjurkan seminar dan program pendidikan mengenai Aids bagi NGO di negeri ini.

-- BERNAMA

HIS AHH RHM